

# PEJABAT PENTADBIRAN DAN AM BERWAJAH BARU



**P**ejabat Pentadbiran Sekolah Perniagaan & Ekonomi secara rasminya telah berpindah ke Tingkat 2, Bangunan Sekolah Perniagaan & Ekonomi namun begitu semua talian telefon dan faks masih lagi menggunakan talian yang sama. Dengan ruang yang lebih luas, keadaan pejabat baru menyerlahkan ruang pejabat yang lebih ideal demi mempertingkatkan mutu perkhidmatan kaunter yang lebih baik kepada pelanggan-pelanggannya. Menurut Penolong

Pendaftar, En. Samasuddin Hj. Yusop, ruang pejabat baru yang siap sepenuhnya pada awal semester I, 2007/2008, menempatkan bilik Dekan, 3 bilik Timbalan Dekan, 1 bilik Penolong Pendaftar, ruang simpanan fail, ruang menunggu pelajar, bilik mesyuarat eksekutif, bilik stor selain bilik rehat staf. Sementara itu pihak pengurusan sekolah bercadang untuk membaikpulih pejabat lama menjadi 'student's lounge' bagi kemudahan pelajar-pelajar SPE.